

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini program pemberian tablet dengan perisian Tutor Guru seperti:-

- (a) jumlah pembayaran telah dibuat ; dan
- (b) jumlah tablet telah diterima dan baki dana yang belum dibelanja.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Program pemberian tablet berserta perisian Tutor Guru dan E-Paper Utusan Malaysia dimulakan dengan pembekalan kepada seramai 43,000 guru di 1,450 buah sekolah di Sarawak pada tahun 2016.

Projek pemberian tablet ini kemudiannya diteruskan ke negeri-negeri lain secara berperingkat dengan peruntukan sebanyak RM340 juta bagi 430,000 guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peruntukan RM340 juta ini telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2017 menggunakan dana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Projek ini dilaksanakan secara berperingkat melibatkan tujuh fasa mengikut negeri. Fasa 1 hingga Fasa 5 telah dilaksanakan dari tahun 2017 hingga 2018. Walau bagaimanapun, edaran bagi negeri-negeri untuk Fasa 6 dan Fasa 7 tidak dapat diteruskan. Ini berikutan penutupan operasi syarikat pembekal yang dilantik iaitu Utusan Melayu (Malaysia) Berhad pada 7 Oktober 2019 melalui Penggulangan Sukarela Pemiutang (*Creditors' Voluntary Liquidation*).

Secara keseluruhannya, peruntukan sebanyak RM309.9 juta telah diterima daripada SKMM. Sebanyak RM267.7 juta telah dibayar kepada pembekal bagi pengedaran 312,353 unit tablet dan sebanyak RM700 ribu telah digunakan oleh KPM untuk kos pengurusan projek yang merangkumi kos operasi dan logistik bagi mengendalikan pemberian tablet kepada guru-guru di 11 negeri meliputi Fasa 1 hingga Fasa 5. Baki peruntukan sebanyak RM41.5 juta telah dipulangkan kepada SKMM pada 13 November 2020.